



YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA
MALAYSIA

SIARAN MEDIA

SUMBANGAN MAKANAN KEPADA GELANDANGAN DI IPOH DISALUR MELALUI ANJUNG SINGGAH PERAK

IPOH, 15 Jun 2026 – Semua pertubuhan bukan kerajaan (NGO), syarikat korporat, institusi, badan kebajikan, kumpulan sukarelawan dan orang ramai yang berhasrat untuk menyalurkan sumbangan makanan kepada golongan gelandangan di Bandaraya Ipoh disaran melaksanakannya melalui Anjung Singgah Perak yang kini berfungsi sebagai pusat sehenti agihan makanan berpusat kepada golongan berkenaan.

Inisiatif yang dilaksanakan dengan sokongan Kerajaan Negeri Perak serta kerjasama pelbagai agensi kerajaan, NGO dan rakan strategik ini bertujuan memastikan bantuan makanan kepada golongan gelandangan dapat disalurkan secara lebih tersusun, sistematik dan berkesan.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Kebajikan Negara (YKN), Puan Nordina Haron berkata, sebagai penyelarar, YKN komited untuk memastikan setiap sumbangan kepada golongan gelandangan diurus secara lebih tersusun dan berimpak tinggi.

“Terima kasih kepada YB Dato’ Salbiah binti Mohamed, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Pembangunan Usahawan atas sokongan dan inisiatif ini,” katanya.

Terdahulu, inisiatif tersebut diputuskan menerusi Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan Pusat Transit Gelandangan di Ipoh, Perak yang turut dihadiri oleh YBhg. Tuan Zamakhshari bin Hanipah selaku Datuk Bandar Ipoh serta wakil-wakil daripada pelbagai agensi dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) di peringkat Daerah Ipoh.

“Pelaksanaan Anjung Singgah Perak sebagai pusat sehenti agihan makanan bukan sahaja memperkemas penyelarasan bantuan, malah membolehkan kita memahami keperluan sebenar golongan sasaran dengan lebih menyeluruh,” katanya.

Sebelum ini, aktiviti pengagihan makanan kepada golongan gelandangan dilaksanakan oleh pelbagai pihak di lokasi yang berbeza sekitar bandar raya.

“Walaupun usaha tersebut lahir daripada semangat kesukarelawanan dan keprihatinan masyarakat, pendekatan yang tidak diselaraskan boleh menyebabkan pertindihan bantuan, pembaziran makanan serta cabaran dari aspek kebersihan dan pengurusan kawasan awam,” tambahnya.

Puan Nordina berkata demikian selepas menyampaikan sumbangan dan agihan makanan kepada gelandangan sempena Hari Terbuka Anjung Singgah Perak dan Pembukaan Pengoperasian Pusat Agihan Makanan Berpusat kepada gelandangan di sini malam tadi.

Sementara itu, majlis tersebut turut menjadi platform penyampaian pelbagai perkhidmatan termasuk khidmat kaunseling oleh Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) YKN, agihan makanan percuma, gunting rambut dan baik pulih kasut percuma, pemeriksaan kesihatan, dan rujukan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Pelaksanaan pusat agihan makanan berpusat ini juga akan membantu usaha mengenal pasti profil, keperluan dan latar belakang golongan gelandangan di Bandaraya Ipoh.

Maklumat yang diperoleh akan menjadi rujukan penting dalam memperkukuhkan program intervensi sosial serta menyokong usaha jangka panjang bagi membantu mereka kembali menjalani kehidupan yang lebih stabil dan berdikari.

Sehubungan itu, YKN mengalu-alukan penyertaan lebih banyak NGO, syarikat korporat, institusi pendidikan, pertubuhan masyarakat dan individu untuk bersama-sama menjayakan inisiatif ini sama ada melalui tajaan makanan, sumbangan keperluan asas, khidmat sukarelawan atau bentuk bantuan lain yang bersesuaian.

Program agihan makanan ini diadakan setiap hari bermula jam 8 malam hingga 11 malam di hadapan premis Anjung Singgah Perak.

Disediakan oleh:

**BAHAGIAN DANA DAN KOMUNIKASI KORPORAT
YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA**

###tamat##

MENGENAI YKN

YKN merupakan sebuah tabung kebajikan yang ditadbir oleh Lembaga Pemegang Amanah dan di bawah bidang kuasa Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. YKN diperbadankan pada 5hb Disember 1981 berdasarkan surat kelulusan Y.A.B Perdana Menteri di bawah Ordinan Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 dan telah dilancarkan oleh D.Y.M.M Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong VII pada 6hb April 1982. Pentadbiran YKN dikawalselia oleh Surat Ikatan Amanah bertarikh 18 Jun 1981.

YKN menjalin kerjasama strategik dengan pelbagai pihak dalam usaha menjana dana kewangan dan perkhidmatan untuk meningkatkan taraf hidup keluarga dan kanak-kanak yang memerlukan melalui perkhidmatan kebajikan, kesihatan dan pendidikan.

Untuk maklumat lanjut atau sumbangan, sila hubungi:

Bahagian Dana dan Komunikasi Korporat
Yayasan Kebajikan Negara (YKN)

 03 – 8323 2236/ 2237

 dkkykn@gmail.com

 www.ykn.org.my